

UNTUK SIARAN SEGERA



KESUMA DAN HRD CORP MEMBAWA PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN BANTUAN KOMUNITI KE PULAU GAYA MELALUI PROGRAM 'SENTUHAN KESUMA BERSAMA HRD CORP DI BAWAH BAYU'

KOTA KINABALU, 1 Jun 2025 – Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), dan Human Resource Development Corporation (HRD Corp), telah meluaskan inisiatif pembangunan modal insan secara langsung kepada penduduk Pulau Gaya melalui program berfokuskan komuniti, 'Sentuhan KESUMA Bersama HRD Corp di Bawah Bayu'.

Disempurnakan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Encik Steven Sim Chee Keong, acara ini mencerminkan komitmen teguh kementerian dalam memastikan peluang pembelajaran sepanjang hayat dan latihan dapat diakses walaupun oleh komuniti yang terpencil.

Bersempena dengan acara tahunan utama HRD Corp, Minggu Latihan Kebangsaan (NTW) 2025, yang bertemakan 'Pembelajaran Tanpa Sempadan', inisiatif di Pulau Gaya ini merupakan satu refleksi objektif utama dalam memastikan akses yang saksama kepada peluang latihan berkualiti untuk semua, tanpa mengira lokasi atau latar belakang.

Program ini telah menghimpunkan lebih 450 penduduk dari empat kampung tempatan: Kampung Gaya, Kampung Lok Urai, Kampung Torong Logong dan Kampung Kesuapan, di mana peserta mengambil bahagian dalam siri sesi latihan khusus yang direka untuk wanita, belia dan pelajar. Ini termasuk bengkel keusahawanan gubahan bunga, pemasaran digital dan *drop shipping*, serta sesi motivasi untuk menginspirasi kecemerlangan akademik.

Dalam ucapannya, YB Encik Steven Sim menekankan agar pegawai dari setiap agensi di bawah KESUMA sentiasa turun padang ke kawasan pedalaman termasuk Pulau Gaya untuk memberi perkhidmatan yang sepatutnya termasuk latihan kemahiran.

"Kita mahu semua rakyat diberikan kemahiran supaya mereka dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi. Apabila rakyat lebih mahir, negara juga akan menjadi lebih maju. Pada minggu hadapan, HRD Corp akan melancarkan Minggu Latihan Kebangsaan atau National Training Week 2025 (NTW), kita akan pastikan kita turun semula ke Pulau Gaya dan memberikan kemahiran baharu sekurang-kurangnya kepada 5,000 penduduk pulau ini. Untuk tahun 2025 ini, sasaran kita adalah untuk memberikan latihan kepada 60,000 peserta dari seluruh negeri Sabah, berbanding 15,000 pada tahun lalu," katanya.

UNTUK SIARAN SEGERA

Sementara itu, YB Datuk Phoong Jin Zhe dalam ucapannya turut menegaskan keperluan untuk membawa lebih banyak latihan kemahiran ke negeri Sabah agar dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan.

"Latihan kemahiran seumpama ini bukan sahaja dapat menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih tinggi, malah ia akan dapat menarik pelaburan secara besar-besaran ke negeri Sabah sekali gus mampu mengubah nasib rakyat secara menyeluruh," ujarnya.

Dalam program yang sama, HRD Corp turut menjalin kerjasama bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi inisiatif strategik '*Sabah Human Capital Initiatives & Nurturing Excellence (SHiNE)*', sebuah platform inovatif yang akan berfungsi sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat pertama seumpamanya di Malaysia, memfokuskan kepada penyelidikan, latihan kemahiran dan penyelesaian pembangunan bakat dunia sebenar yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja tempatan dan masa depan.

Menurut Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp, Tuan Ahsim Haji Jamat, beliau yakin bahawa inisiatif SHiNE ini akan menjadi model rujukan nasional bagi pembangunan bakat dan modal insan negara, seterusnya memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat di Sabah dan Malaysia.

Lebih bermakna lagi pada program hari ini, 'Pusat Kolaborasi Latihan Industri dan Komuniti' turut diadakan, di mana majikan sektor pelancongan tempatan menerima manfaat daripada Skim Kemudahan dan Pengubahsuaian Latihan (ALAT) HRD Corp dengan sokongan peralatan latihan bernilai RM36,000.00 untuk meningkatkan keupayaan latihan kemahiran tempatan.

Mencerminkan fokus KESUMA terhadap kesejahteraan holistik, YB Encik Steven Sim turut menyampaikan sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat berupa 700 jaket keselamatan untuk kegunaan penumpang bot harian, bakul makanan untuk 300 keluarga sekitar Pulau Gaya serta sumbangan wang tunai RM20,000 kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Gaya dan Sekolah Kebangsaan Pulau Gaya.

Program ini turut dihadiri oleh Ahli Parlimen Kuching, YB Dr. Kelvin Yii; Pendaftar, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Encik Luqman Ridha Anwar dan Presiden Kolej Universiti Jesselton, Profesor Dr. Chin Yuk Fong.

-Tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA

Tentang Human Resource Development Corporation (HRD Corp):

Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dahulunya dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan kemudiannya diperbadankan sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui penggabungan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Penjenamaan semula HRD Corp pada 2021 merupakan cerminan tanggungjawab, hala tuju dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuklah memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula oleh majikan untuk para pekerja ke arah produktiviti yang lebih mapan.

Pembaharuan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada setiap individu warga Malaysia, malah turut memperkasakan komuniti yang memerlukan melalui peluang penjana pendapatan yang lebih inklusif.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my.